



Headline	KLHC, TNB laung keyakinan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	197,952
Page No	37	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	164 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,241
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,724



KLHC, TNB laung keyakinan

KUALA LUMPUR - Jarang kita mendengar jurulatih atau pengurus hoki yang mahu bercakap mengenai kemampuan pasukan mereka atau lawan kerana kebanyakannya hanya mahu memberi komen yang dianggap selamat.

Namun nada berbeza ditunjukkan jurulatih Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC), K. Dharmaraj dan penolong pengurus Tenaga Nasional Berhad (TNB), Nor Saiful Zaini Nasaruddin pada sidang akhbar menjelang Liga Hoki Malaysia-TNB (TNBMHL) semalam.

Penyandang juara, KLHC kehilangan enam pemain kebangsaan yang mencari angin baharu dengan menyarung jersi pendatang baharu liga, Terengganu HT, namun Dharmaraj tetap yakin pasukannya mampu mencabar gelaran tahun ini.

Pemain-pemain kebangsaan yang meninggalkan KLHC untuk beralih ke Terengganu adalah Mohd. Shahrul Nabil, Tengku Ahmad Tajuddin, Azlan Misron, Ismail Abu, Mohd. Ameerullah Aziz dan Fitri Sari.

KLHC bagaimanapun masih memiliki enam tonggak import diketuai kapten skuad kebangsaan Pakistan, Muhammad Imran yang meledak lima gol sepanjang kempen Piala Sultan Azlan Shah minggu lalu, selain Waseem Ahmad, Fareed Ah-

mad, Muhammad Umar Bhutta and Akhtar Ali.

Sebagai tambahan, kempen KLHC musim ini juga akan diperkuatkan oleh pemain antarabangsa Australia, Tim Deavin.

“Sejak zaman saya menjadi pemain sehinggalah sekarang sebagai jurulatih, pendekatan saya sentiasa sama iaitu mahu memenangi perlawanan dan kejohanan.

“Keadaan juga tiada bezanya sekarang walaupun KLHC kehilangan khidmat beberapa pemain tonggak yang berhijrah ke Terengganu.

“Ia adalah tugas sukar untuk memenangi semua tiga gelaran tetapi bukan misi yang mustahil. Kami akan mengambil setiap perlawanan satu demi sa-

tu dan saya menjangkakan perlawanan pembukaan menentang UniKL akan menjadi begitu sukar.

“UniKL memiliki ramai pemain muda berbakat daripada skuad remaja saya dan saya tahu sejauh mana keupayaan mereka. Mana-mana pasukan yang berdepan UniKL tidak akan menerima laluan mudah, jadi kami kena berwaspada,” kata Dharmaraj yang juga Jurulatih Remaja Kebangsaan.

Bagi TNB pula, Saiful percaya pasukannya mempunyai kemampuan untuk merampas kejuaraan tahun ini tetapi mengakui, perlawanan pembukaan menentang Terengganu hari ini pasti menghadirkan cabaran sukar.

Liga Hoki Malaysia- TNB

Jadual

HARI INI

TNB	lwn	Terengganu HT
(Stadium Hoki Bukit Jalil, 6ptg)		
Nur Insafi Warriors	lwn	Sapura
(Universiti Sains Malaysia, 6ptg)		
KLHC	lwn	UniKL
(Stadium Hoki Bukit Jalil, 8mlm)		